

Manfaat buku teks versi digital

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan (KPM) membangunkan aplikasi *KPM eTextbook Reader* bagi memudahkan murid berhadapan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah.

Fenomena pandemik COVID-19 mengundang masalah terhadap pembelajaran semua peringkat darjah atau kelas di sekolah rendah dan menengah, sekali gus meresahkan ibu bapa.


Justeru, berhadapan permasalahan ini, terdapat kelebihan penggunaan buku teks versi digital digunakan. Ini kerana ia dapat mencari maklumat dengan mudah dan membantu mengurangkan bebanan fizikal murid ketika hadir ke sekolah.

Berbeza zaman dahulu, murid terpaksa membawa buku teks dan amat merasai bebanan fizikal saat hadir ke sekolah dalam menuntut ilmu.

Namun, di sebalik kemudahan disediakan, impak negatif juga perlu sama-sama dinilai. Apa yang dibimbangi, masalah sikap pelajar itu sendiri dikhuatiri tidak mencerminkan nilai kehidupan dalam sebuah negara maju.

Berhadapan situasi ini, pelajar sepatutnya mempunyai pemikiran lebih matang dan bijak memanfaatkan teknologi. Kita bimbang disebabkan kemudahan teknologi, wujud sikap kurang menghormati dan menghargai ilmu.

Jika sikap begini terus bersarang dalam diri seorang pelajar, pasti mereka tidak akan merasai betapa nikmatnya kepayahan menuntut ilmu diberikan guru mereka sendiri.



Pada saat kita ingin memberikan yang terbaik untuk generasi muda masa kini, seringkali kita terlepas pandang untuk melahirkan generasi anak muda yang bukan sahaja bagus dari aspek akademik, tetapi juga dalam soal adab dan akhlak seseorang pelajar itu perlu kita utamakan.

Dari aspek kesihatan juga perlu dipertimbangkan. Apabila pelajar terlalu kerap berhadapan dengan gajet, secara tidak langsung ia boleh menyebabkan kesihatan mata terjejas.

Untuk jangka masa pendek, ia membantu pelajar mencari maklumat jika mempunyai sebarang ketidakfahaman. Bagaimanapun, untuk jangka masa panjang, pelajar akan cenderung hilang fokus ke arah lain dan pasti mereka

kurang berminat untuk membaca buku secara fizikal.

Seperti kita maklum, walaupun kini keadaan COVID-19 memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara, sesuatu yang sukar itu apabila sering dilalui, akan menjadikan individu menghargai apa yang mereka ada.

Untuk melahirkan generasi ber nilai tinggi dalam aspek akademik dan jati diri supaya seiring kemajuan negara, kita perlu sama-sama menggembleng tenaga untuk mengimbangi keperluan pelajar supaya terhasilnya akademik, adab dan akhlak yang baik.

Nur Amira Aishah Mohd Adnan,
Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris